

# Calon Anugerah Diraja Kewangan Islam dicari

**Anugerah** Diraja Kewangan Islam Malaysia memulakan pencarian global untuk memberi pengiktirafan kepada individu terbilang dalam bidang kewangan Islam, menerusi pembukaan pencalonan bagi penerima keempat anugerah berkenaan.

Penganugerahan itu, julung kali diadakan pada tahun 2010 sebagai anugerah dwitahunan, dianjurkan Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi menyokong Malaysia sebagai pasaran kewangan Islam.

Ia diwujudkan sebagai mengiktiraf individu berwawasan kewangan Islam yang memberikan sumbangan penting kepada pertumbuhan ekonomi global dan perkembangan sosial masyarakat di seluruh dunia.

Seramai tujuh juri bebas antarabangsa dipengerusikan oleh Pengerusi Yayasan Forum Ekonomi Islam Dunia, Tun Musa Hitam diberi tanggungjawab untuk memilih individu layak untuk menerima anugerah berkenaan.

Kriteria yang ditetapkan merangkumi aspek kualitatif dan kuantitatif sumbangan cemerlang individu yang dicalonkan terhadap kewangan Islam di peringkat global.

Ia termasuk inovasi kewangan dan kerja perintisan, kepemimpinan cemerlang, pengetahuan dan pemakaiannya dalam industri, dan inspirasi serta pengaruh ke arah kemajuan dan pembangunan masa hadapan kewangan Islam.

Penerima anugerah juga akan dijadikan contoh kepada individu lain ke arah kemajuan industri.